

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum - Maksimum</b>		
<b>Gred U11</b>	:	RM 836.00	- RM 2,681.00
<b>Gred U14</b>	:	RM 1,574.00	- RM 3,039.00
<b>Gred U16</b>	:	RM 1,596.00	- RM 3,234.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U11 : RM836.00);dan
    - (d) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengnya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred U11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Perawatan Kesihatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA / PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

6. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U14**

8. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 yang kosong apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U16**

9. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U16 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURURAWAT MASYARAKAT, PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN, PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

10. Pembantu Perawatan Kesihatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Masyarakat Gred U19, Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U11, Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.